

PEMUNYAAN HARTA

PERATURAN 10

**PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993
[P.U.(A)395/1993]**



Seseorang pegawai hendaklah, semasa perlantikannya ke dalam perkhidmatan awam atau pada bila-bila masa selepas itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan, mengisyiharkan secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan melalui Ketua Jabatan segala harta yang dipunyai olehnya, atau isteri atau suaminya atau anaknya atau yang dipegang oleh mana-mana orang bagi pihaknya atau bagi pihak isteri atau suaminya atau anaknya. Seseorang pegawai yang tidak mempunyai apa-apa harta hendaklah dengan demikian mengisyiharkan secara bertulis keadaan sedemikian.

Di dalam peraturan ini -

“anak” termasuklah anak angkat tetapi tidak termasuk anak yang bukan di bawah tanggungan pegawai itu;

“harta” termasuklah harta daripada apa-apa perihalan, sama ada harta alih atau tak alih, yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dari semasa ke semasa.

Semua penjawat awam di Jabatan Pertanian dikehendaki mengisyiharkan harta melalui Sistem HRMIS apabila :

- Lantikan Pertama Dalam Perkhidmatan Awam
- Dikehendaki oleh Kerajaan
- Memperolehi Harta Tambahan
- Melupuskan Harta
- Setiap Lima (5) Tahun Sekali



UNIT INTEGRITI
JABATAN PERTANIAN
ARAS 14, WISMA TANI
PUTRAJAYA